

**Setiap Pemimpin Ada Cara Tersendiri - Tun Abdullah
Bernama
10 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 10 Julai (Bernama) -- Bekas perdana menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi berkata setiap pemimpin mempunyai cara tersendiri mentadbir negara dan oleh itu tidak wujud soal beliau menamatkan 'Mahathirisme' kerana apa yang lebih penting adalah untuk mencapai matlamat Wawasan 2020.

Katanya beliau tidak pernah melupakan dasar Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh perdana menteri sebelumnya Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Saya sentiasa sebut bahawa matlamat yang perlu kita capai ialah visi Wawasan 2020. Itulah yang awal-awal saya cakap dan saya tak pernah lupa,"

"Semasa zaman selepas merdeka dulu, kita utamakan perpaduan tapi pada masa saya kita bina modal insan," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan sambutan 20 Tahun Penubuhan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) di sini pada Selasa.

Abdullah juga berkata beliau sendiri tidak memahami erti 'Mahathirisme' seperti yang didakwa oleh Penasihat DAP Lim Kit Siang baru-baru ini.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=679410>